

PLUS PERLUAS PENGALAMAN #LANE FREEDOM JUSTGO KE WILAYAH SELATAN

Petaling Jaya, 15 Julai 2026 :- PLUS Malaysia Berhad (PLUS) terus mara bersama #LANE FREEDOM ke Wilayah Selatan menerusi pengaktifan JustGO di enam lagi plaza tol mulai jam 10.00 pagi pada Rabu, 15 Julai 2026.

Pengaktifan terbaharu ini melibatkan Lebuhraya Seremban-Port Dickson (SPDH), Lebuhraya Utara-Selatan (NSE) dan Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia-Singapura (LINKEDUA). Enam plaza tol berkenaan ialah Plaza Tol Mambau dan Lukut di SPDH, Plaza Tol Kempas di NSE, serta Plaza Tol Tanjung Kupang, Lima Kedai dan Perling di LINKEDUA.

PLUS merupakan salah satu syarikat konsesi lebuhraya yang mengambil bahagian dalam platform JustGO. Melalui pelaksanaan ini, PLUS membawa Sistem Pembayaran Tol Terbuka berasaskan Sistem Pengecaman Nombor Plat, atau Automatic Number Plate Recognition (ANPR), pertama untuk industri lebuhraya Malaysia ke lebih banyak lokasi dalam rangkaianannya.

Pengguna yang telah mendaftar boleh membayar tol menggunakan nombor plat kenderaan dan menikmati #LANE FREEDOM di plaza tol yang telah diaktifkan. Mereka bebas masuk dan keluar melalui mana-mana lorong yang tersedia dan tidak lagi perlu menggunakan lorong khusus mengikut kaedah pembayaran sedia ada.

Kamera ANPR akan membaca nombor plat kenderaan berdaftar dan memproses bayaran tol melalui kad pembayaran yang dipautkan dalam aplikasi JustGO. Pengguna hanya perlu memuat turun aplikasi, mendaftar akaun dan kenderaan, serta memautkan kad pembayaran.

JustGO mula diperkenalkan di NSE kendalian PLUS melalui pelaksanaan projek rintis awam di sembilan (9) plaza tol antara Hutan Kampung dan Sungai Dua pada Januari 2026. Pelaksanaannya kemudian diperluas ke Plaza Tol Jitra di NSE, serta Plaza Tol Lunas dan Kubang Semang di Lebuhraya Butterworth-Kulim pada Jun 2026.

Pengaktifan di Wilayah Selatan meneruskan peluasan JustGO dalam rangkaian lebuhraya PLUS, sebelum pelaksanaannya diperluas ke semua plaza tol kendalian PLUS mulai Ogos 2026.

Senarai penuh lokasi JustGO yang telah diaktifkan disertakan dalam **Lampiran A**.

-TAMAT-

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Nadirah H. Rodzi	Nurdayana Afiqah Azahari
Komunikasi Strategik	Komunikasi Strategik
PLUS Malaysia Berhad	PLUS Malaysia Berhad
Telefon bimbit: 019-343 2120	Telefon bimbit: 018-244 8288
Emel: nadirah.rodzi@plus.com.my	Emel: nurdayana.azahari@plus.com.my

APPENDIX A / LAMPIRAN A

North-South Expressway (NSE) / Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS)

1. Plaza Tol Jitra
2. Plaza Tol Hutan Kampung
3. Plaza Tol Alor Setar (Utara)
4. Plaza Tol Alor Setar (Selatan)
5. Plaza Tol Pendang
6. Plaza Tol Gurun
7. Plaza Tol Sg. Petani (Utara)
8. Plaza Tol Sg. Petani (Selatan)
9. Plaza Tol Bertam
10. Plaza Tol Sungai Dua
11. Plaza Tol Kempas (Baharu / New)

Butterworth-Kulim Expressway / Lebuhraya Butterworth-Kulim (BKE)

1. Plaza Tol Lunas
2. Plaza Tol Kubang Semang

Seremban-Port Dickson Highway / Lebuhraya Seremban-Port Dickson (SPDH)

1. Mambau Toll Plaza (Baharu / New)
2. Lukut Toll Plaza (Baharu / New)

Second Link Expressway / Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia-Singapura (LINKEDUA)

1. Tanjung Kupang Toll Plaza (Baharu / New)
2. Lima Kedai Toll Plaza (Baharu / New)
3. Perling Toll Plaza (Baharu / New)